



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA
(Department of Irrigation and Drainage, Malaysia)
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
(Ministry of Natural Resources and Environment)
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50626 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



<http://www.water.gov.my>

Telefon: 03-26972828

Fax: 03-26987973, 26972412, 03-26972411, 26971025

Email: pro@water.gov.my

(58) dlm. PPS 10/4/2 BUB Jld 5

31 Mei 2010

Semua Pengarah Bahagian,
Semua Pengarah JPS Negeri,
Semua Jurutera Projek

Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**Perkara: Pemakluman Surat Arahan Perbendaharaan – Pindaan Skala Gaji
Perunding di Lampiran H dalam Manual Perolehan Perkhidmatan
Perunding Edisi 2006**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan satu Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) rujukan S/K.KEW/PK/P/1100/000000/165/23 Jld 6 SK 2 (2) bertarikh 15 April 2010 mengenai **Pindaan Skala Gaji Perunding di Lampiran H dalam Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2006** seperti yang dilampirkan bersama surat ini.

3. Perhatian Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan adalah diperlukan kepada penguatkuasaan skala gaji terbaru ini yang hanya terpakai kepada pelantikan perunding yang telah dan akan diputuskan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus (Had nilai yang ditetapkan di bawah Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 8 Tahun 2007 masih tidak berubah) bermula pada tarikh SAP ini ditandatangani iaitu pada 15 April 2010.

4. Kerjasama Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan untuk mematuhi SAP tersebut amatlah diharapkan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH SUNGAI KITA"

(Sr MD. FAUZI B. MD. REJAB)


Pengarah Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak,
b/p Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia,
Kuala Lumpur.

(58) dlm. PPS 10/4/2 BUB Jld 5

31 Mei 2010

- s.k. - Ketua Pengarah JPS Malaysia
- Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes) JPS Malaysia
- Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) JPS Malaysia
- Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) JPS Malaysia
- Juruukur Bahan BUBPK

d:/rba/suratedaran/SAP Lampiran H



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
(Ministry of Finance Malaysia)
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8882 3000
Cable : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-8882 4352
Web : <http://www.treasury.gov.my>

S/K.KEW/PK/P/1100/0000
00/165/23 JLD 6 SK 2 (2)
15 April 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr/Tuan/Puan

PINDAAN SKALA GAJI PERUNDING DI LAMPIRAN H DALAM MANUAL PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING EDISI 2006

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas dan Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 4 Disember 2006 adalah berkaitan.

2. Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 4 Disember 2006 mengenai Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2006 (MPPP 2006) telah dikeluarkan sebagai garis panduan kepada Agensi/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan untuk melaksanakan perolehan perkhidmatan perunding bagi projek/kajian Kerajaan. Selaras dengan usaha Kerajaan dalam penambahbaikan ke atas peraturan perolehan perkhidmatan perunding semasa, semakan ke atas peraturan-peraturan perolehan perkhidmatan perunding sedia ada sentiasa dilaksanakan agar ia bersesuaian dengan perkembangan ekonomi serta pasaran semasa.

3. Dengan mengambil kira perkembangan ekonomi yang pesat dan kos sara hidup yang kian meningkat, Kementerian ini telah membuat penambahbaikan ke atas Skala Gaji Perunding sedia ada di Lampiran H termasuk H1, H2 dan H3 dalam MPPP 2006 di muka surat 60 sehingga 65 dan **pindaan terbaru adalah seperti dilampirkan**. Penambahbaikan ke atas Skala Gaji Perunding adalah merangkumi :

- i. Lembaga Pengarah/Rakan Kongsi/Pemegang Ekuiti;
- ii. Skala Gaji Kakitangan Ikhtisas (Sementara);
- iii. Skala Gaji Separa Ikhtisas dengan Diploma (Sementara); dan
- iv. Skala Gaji Separa Ikhtisas dengan Sijil (Sementara).

4. Walau bagaimanapun, skala gaji terbaru ini adalah hanya terpakai ke atas pelantikan perunding yang terbaru iaitu yang telah diputuskan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus (tertakluk kepada had nilai ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2007) bermula pada tarikh Surat Arahan Perbendaharaan ini ditandatangani.

5. Dengan kuat kuasanya Surat Arahan Perbendaharaan ini, **Lampiran H, H1, H2 dan H3 dalam MPPP 2006 yang sedia ada adalah terbatal.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' FAUZIAH BT YAACOB)

Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Edaran Dalaman:

Y. Bhg. Tan Sri KSP

SKALA GAJI PERUNDING

1. Rakan Kongsi (*Shareholders*)/Lembaga Pengarah

Rakan Kongsi(*Shareholders*)/Lembaga Pengarah yang dilantik sebagai perunding bagi sesuatu projek hendaklah dibayar berdasarkan kadar seperti yang dinyatakan di **Lampiran H1**.

2. Kakitangan Tetap

Kakitangan yang berkhidmat secara tetap dengan sebuah firma perunding dan tempoh perkhidmatannya telah mencapai satu tahun atau lebih. Perunding hendaklah menunjukkan dokumen sokongan bagi membuktikan bahawa kakitangan berkenaan adalah merupakan kakitangan tetap mereka.

Kadar Gaji:

- (a) Penentuan gaji pokok bagi kakitangan tetap adalah berdasarkan gaji semasa sebenar yang dibayar kepada kakitangan tersebut. Gaji pokok yang dipohon hendaklah disokong dengan satu penyata gaji yang disahkan oleh Firma Audit Luar dan penyata caruman KWSP beserta resit pembayaran untuk 3 bulan yang terakhir.

3. Kakitangan Sementara

Kakitangan yang tempoh perkhidmatannya dengan sebuah firma perunding belum mencapai satu tahun atau kakitangan yang dilantik khusus untuk menjalankan sesuatu projek/tugasan sahaja.

Kadar Gaji:

- (a) Penetapan gaji pokok bagi kakitangan sementara yang diambil hendaklah berasaskan kepada kelulusan dan pengalaman kerja dalam bidang berkenaan. Bagi mereka yang mempunyai pengalaman kerja sebelum mendapat ijazah asas (umpamanya sebagai pembantu teknik, kerani tapak dsb.), dua tahun pengalaman di peringkat separa ikhtisas itu diambil kira bersamaan dengan satu tahun pengalaman ikhtisas.
- (b) Tempoh semasa menuntut untuk Ijazah Sarjana dan Kedoktoran dalam bidang berkenaan diambil kira sebagai pengalaman kerja.
- (c) Penetapan gaji pokok bagi kakitangan ikhtisas (sementara) adalah seperti dinyatakan di **Lampiran H2**.
- (d) Penetapan gaji pokok bagi kakitangan separa ikhtisas dan sokongan (sementara) adalah seperti dinyatakan di **Lampiran H3**.

4. Perunding Asing

Penentuan kadar bayaran perunding asing hendaklah berasaskan *charge rate* seperti format di **Lampiran H4**. Perunding asing dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen yang telah disahkan oleh akauntan awam bertauliah bagi menyokong kadar bayaran yang dipohon.

5. Kenaikan gaji

Kenaikan gaji pokok dibenarkan hanya bagi perkhidmatan perunding yang melebihi 12 *man-month* dan seterusnya mengikut kadar berikut:

- (i) Kakitangan Ikhtisas
5% daripada gaji pokok asal yang telah diluluskan atau RM300, yang mana lebih rendah.
- (ii) Kakitangan Separa Ikhtisas/Perkeranian:
8% daripada gaji pokok asal yang telah diluluskan atau RM150, yang mana lebih rendah

Kenaikan gaji tidak diperuntukkan untuk Rakan kongsi (*Shareholders*)/ Lembaga Pengarah dan Perunding Asing.

**SKALA GAJI RAKAN KONGSI (*SHAREHOLDERS*)/
LEMBAGA PENGARAH**

TAHUN PENGALAMAN	KADAR GAJI (RM)
5	6,000.00
6	6,300.00
7	6,600.00
8	6,900.00
9	7,200.00
10	7,500.00
11	7,800.00
12	8,100.00
13	8,400.00
14	8,700.00
15	9,000.00
16	9,300.00
17	9,600.00
18	9,900.00
19	10,200.00
20	10,500.00
21	10,800.00
22	11,100.00
23	11,400.00
24	11,700.00
25	12,000.00
26	12,300.00
27	12,600.00
28	12,900.00
29	13,200.00
30	13,500.00
31 dan ke atas	13,800.00

SKALA GAJI KAKITANGAN IKHTISAS (SEMENTARA)

TAHUN PENGALAMAN	KADAR GAJI (RM)
Kurang setahun	2,900.00
1	3,000.00
2	3,150.00
3	3,300.00
4	3,450.00
5	4,000.00
6	4,200.00
7	4,400.00
8	4,600.00
9	4,800.00
10	5,800.00
11	6,100.00
12	6,400.00
13	6,700.00
14	7,000.00
15	7,300.00
16	7,600.00
17	7,900.00
18	8,200.00
19	8,500.00
20	9,000.00
21	9,300.00
22	9,600.00
23	9,900.00
24	10,200.00
25	11,200.00
26	11,700.00
27	12,200.00
28	12,700.00
29	13,200.00
30	14,200.00
> 30	14,200.00

**SKALA GAJI KAKITANGAN SEPARA IKHTISAS DAN SOKONGAN
(KAKITANGAN SEMENTARA)**

TAHUN	KADAR GAJI 1	KADAR GAJI 2
Kurang setahun	1,800.00	2,100.00
1	1,890.00	2,190.00
2	1,980.00	2,280.00
3	2,070.00	2,370.00
4	2,160.00	2,460.00
5	2,250.00	2,550.00
6	2,340.00	2,640.00
7	2,430.00	2,730.00
8	2,520.00	2,820.00
9	2,610.00	2,910.00
10	2,700.00	3,000.00
11	2,830.00	3,300.00
12	2,930.00	3,400.00
13	3,030.00	3,500.00
14	3,130.00	3,600.00
15	3,230.00	3,700.00
16	3,330.00	3,800.00
17	3,430.00	3,900.00
18	3,530.00	4,000.00
19	3,630.00	4,100.00
20	3,730.00	4,200.00
21	3,880.00	4,600.00
22	4,000.00	4,720.00
23	4,120.00	4,840.00
24	4,240.00	4,960.00
25	4,360.00	5,080.00
26	4,480.00	5,200.00
27	4,600.00	5,320.00
28	4,720.00	5,440.00
29	4,840.00	5,560.00
30	4,960.00	5,680.00
30 dan keatas	4,960.00	5,680.00
Kadar Gaji 1 : Kakitangan Kerani Tapak (Tanpa Diploma)		
Kadar Gaji 2 : Kakitangan Kerani Tapak (Dengan Diploma)		